



**NOTIS SEBUT HARGA**  
**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
No. Sebut Harga : **PPJ/SH(S)/JK/33/2024**

Tajuk Sebut Harga:

**MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGHANTAR KERUSI PEJABAT BERASASKAN FABRIK  
BAGI KEGUNAAN DI PERBADANAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **syarikat-syarikat** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja, dan berdaftar di bawah **Kod Bidang 020101 – Perabot, Perabot Makmal dan Kelengkapan Berasaskan Kayu/Rotan/Fabrik/Logam/Plastik (Workstation)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **24 MEI 2024 (JUMAAT), JAM 10.00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras D5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan seperti di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **24 MEI 2024 (JUMAAT)** hingga **28 MEI 2024 (SELASA)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja dengan bayaran secara tunai berjumlah **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang diberi kuasa seperti penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF berserta **satu (1) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **31 MEI 2024 (JUMAAT)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**(SHAMSHUL JOEHARI BIN ZAINAL MOKHTAR)**

Naib Presiden  
Jabatan Perkhidmatan Korporat  
Perbadanan Putrajaya